

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 40 RABU 1 OKTOBER, 1969

1389 رابو 19 رجب PERCHUMA

Peluang belajar untuk anak2 tempatan

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim berkata, Kerajaan sentiasa memberi peluang belajar apa juga jenis pelajaran yang boleh mendatangkan faedah bagi anak2 tempatan untuk melayakkan diri mereka memegang jawatan yang terdapat di-Jabatan2 Kerajaan atau sektor2 pribit.

Menteri Besar itu berkata demikian di-upacara penyampaian sijil2 Trengkas dan Menaip di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Brunei pada hari Isnin lepas.

Beliau berkata, jika di-tilek daripada peruntukan tahunan perbelanjaan khas bagi perkembangan pelajaran, maka ia-nya sentiasa bertambah dari sa-tahun ka-setahun.

Menteri Besar itu menjelaskan bahawa penambahan peruntukan perbelanjaan itu bukan saja merupakan penambahan bilangan raayat dan penduduk neegri ini tetapi juga penambahan mata pelajaran dan kemudahan2 yang lebeh luas dan tinggi termasuk-lah dermasiswa2 sebarang laut.

Kata-nya, "peluang2 belajar seperti itu bukan saja diberikan kepada penuntut2 di-bangku sekolah, tetapi juga kepada kelas2 dewasa, pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang mempunyai kekhundorongan dan kebolehan."

Menteri Besar itu menambab kata bahawa ada-lah menjadi dasar Kerajaan memberikan pelajaran bagi melayakkan raayat negeri ini mengambil alih dan menjalankan dengan sempurna-nya tugas2 yang samesti-nya di-usahakan oleh anak2 tempatan yang maseh lagi di-pegang oleh pegawai2 dari sebarang laut.

Beliau juga memberikan tahniah kepada pemimpin2 Persatuan Trengkas atas usaha2 mereka mengadakan majlis sa-umpama itu yang di-sifatkan beliau sa-bagai satu galakan kepada pelajar2 trengkas dan menaip di-neegri ini.

Beliau telah juga menyentuh mengenai penerbitan surat khabar yang menyatakan "Kerajaan telah menyimpang daripada peratoran2 Tetap dalam pengurniaan biasiswa dalam masa perkhidmatan" yang di-siarkan oleh salah sa-buah



Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof.

akhtar tempatan baru2 ini.

Y.A.B. Menteri Besar itu telah menyangkal dengan keras-nya mengenai berita itu yang di-sifatkan beliau sa-bagai mengelirukan fikiran umum dan tidak berasaskan kebenaran.

Masa'alah itu timbul berikutan dengan berita pengurniaan dua dermasiswa kepada kaki tangan di-Jabatan Pertanian melanjutkan Pelajaran di-seberang laut sa-hingga mendapat ijazah tinggi baru2 ini.

Yang Amat Berhormat itu menjelaskan bahawa pengurniaan biasiswa kepada pegawai2 Kerajaan dalam masa berkhidmat untuk mendapatkan ijazah bukan-lah satu perkara baru di-buat pada masa ini malah ia-nya telah menjadi kebiasaan dan pernah di-lakukan di-masa2 yang sudah. Ini-kata-nya, bukan-lah perkara baru yang di-tudoh oleh akhtar itu sa-bagai telah menyimpang daripada peratoran2 tetap Kerajaan.

Y.A.B. Menteri Besar itu juga telah memberikan chuntoh beberapa orang pegawai2 yang mendapat ijazah semasa dalam berkhidmat seperti yang terdapat di-Jabatan Pelajaran dan Kerja Raya di-masa2 yang lampau.

(LIHAT MUKA 8)

JPP DI-SERU PESATKAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menekankan bahawa tanggung-jawab Jabatan Penyiran dan Penerangan bukan-lah untuk mengadakan ranchangan2 hiburan sahaja, bahkan yang lebeh penting ia-lah mem-banyakkan ranchangan2 penerangan bagi menyampaikan hasrat Kerajaan supaya raayat tidak terpisong dari hakikat yang sabenar-nya.

Beliau menyatakan bahawa dalam sa-buah negara moden, alat2 penerangan dan perhubungan ada-lah merupakan satu kemestian dan menyedari hakikat ini Kerajaan telah mendirikan bagunan yang indah lagi besar untuk menyampaikan maksud itu.

Kenyataan ini di-buat beliau dalam ucapan-nya sa-jurus sa-belum merasmikan pertandingan Bintang Radio 1969 yang berlangsung di-Dewan Raya JPP dan DBP pada malam hari Isnin lepas.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak menafikan akan faedah kebaikan-nya mengadakan ranchangan2 seperti nyanyian2 pop dan pertandingan Bintang Radio, malah mensifatkan-nya sa-bagai mendatangkan manfaat dalam menghadapi penghidupan sa-hari2 dan menempoh masa-masa2 di-zaman pembangunan ini.

"Tetapi ruangan2 lain hendaklah di-bentok dan teknik2 untuk menyampaikan hasrat serta chita2 Kerajaan supaya raayat negeri ini tidak akan terpisong dari hakikat yang sabenar-nya hendak-lah sentiasa di-chari dan di-halusi oleh Jabatan Penyiran dan Penerangan bagi faedah kita semua", tegas beliau.

Beliau telah menimbulkan tentang ada-nya akhtar tempatan "yang sengahaja memainkan serta memutar belitikan" usaha2 Kerajaan dan menyalahkan satu2 pehak dengan tidak berpatutan serta usol pereksa yang teliti.

Beliau telah menarek perhatian mengenai dengan pertukaran ketua2 jabatan Kerajaan baru2 ini yang menjadi bahan tegoran "yang kurang tepat dan mengelirukan" oleh beberapa akhtar yang tidak menyangka bahawa pegawai2 itu tidak mempunyai pengalaman di-jabatan2 yang di-duduki mereka.

Menyangkal akan tegoran2 itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar di-samping mensifatkan pertukaran itu sa-bagai bukan satu perkara yang baru dan ganjil telah menerangkan:

"Usaha ini ada-lah semata2 untuk menambah pengalaman yang lebeh luas kepada mereka2 itu dan untuk memberikan peluang bagi mereka mendalami serta mengikuti

(LIHAT MUKA 8)

Peserta2 Daerah Brunei sandang juara Bintang Radio 1969

BANDAR BRUNEI. — Awangku Emran bin Pengiran Manai dan Dayang Azadah bte Awang Besar, kedua2-nya peserta dari Daerah Brunei-Muara telah menyandang sabagai penyanyi terbaik dalam pertandingan Bintang Radio Perengkat Seluruh Negeri yang telah di-adakan di - Dewan Raya, Bandar Brunei pada 29 September lepas.

Peraduan yang ke-9 di-anjorkan oleh Radio Brunei itu telah di-rasmikan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Sa-ramai 16 orang peserta dari ke-empat2 daerah di-neegri ini telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Mu-

(LIHAT MUKA 8)

\$4,800 JUTA GAS SEMULA JADI BRUNEI

DI-BELI OLEH JEPUN

SHARIKAT Minyak Shell dan Sharikat Mitsubishi Shoji Kaisha dari Tokyo telah menandatangani Surat2 Perjanjian dengan tiga pembeli yang terbesar — Tokyo Electric, Tokyo Gas dan Osaka Gas — bagi pembekalan Gas Semula Jadi Chaer dari Brunei ka-Jepun. Perjanjian ini bergantung kepada persetujuan kerajaan Jepun dan Brunei.

Jumlah gas yang akan dibekalkan kepada pembeli2 tersebut akan meningkat kepada satu peringkat hampir empat juta tan sa-tahun.

Pembekalan pertama kepada Jepun telah di-ranchangkan bagi musim sejok tahun 1972/73 dan sa-jumlah lebeh dari 65 juta tan akan di-bekalkan dalam masa 20 tahun, yang mana harga gas yang akan di-serahkan di-taksirkan kira2 US\$1,600 juta (B\$4,800 juta) (£650 juta) dalam masa projek itu berjalan. Jualan2 selanjut-nya kepada lain2 pembeli Jepun mungkin akan di-adakan.

Gas semula jadi ini akan di-usahakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei dari telaga2 minyak-nya di-dasar laut. Gas ini akan di-proses dan di-jadikan dalam bentuk chaer oleh sa-buah kilang di-peringkat suhu — 161 darjah C (— 258 darjah F). Proses menjadikan gas dalam bentuk ayer ini telah di-chipta oleh Air Products and Chemicals Incorporated yang telah di-pileh untuk tujuan ini.

Gas ini akan di-hantar ka-Jepun dalam 6 buah kapal tanki pembawa 460,000 tong yang di-reka khas yang mana tiap2 sa-buah bersamaan kira2 sa-besar sa-buah kapal tanki minyak yang boleh membawa 100,000 tan minyak mentah.

Kapal ini boleh membawa muatan 2½ kali ganda dari kapal tanki gas perdagangan yang pertama (besar - nya bersamaan 30,000 tan kapal tanki minyak) yang mana sejak tahun 1964 telah menjalankan tugas-nya di-antara

Algeria dan Pulau Canvey di-United Kingdom.

Rangkaian lengkap kemudahan2 (pengeluaran gas, penchayeran, pemunggaan dan perkapalan) telah di-reka untuk menyampaikan gas ka-Jepun lebeh dari 500 juta kaki padu sa-hari. Ini kira2 bersamaan dengan sa-paroh tenaga gas yang di-gunakan sekarang di-United Kingdom.

Jumlah modal yang di-belanjakan semasa projek berjalan di - taksirkan hampir US\$500 juta (B\$1,500 juta) — (£200 juta).

Dua tahun telah di-habiskan kerana membuat ranchangan dan perundingan mengenai projek ini yang mana tidak dapat di-sangsikan lagi ada-lah yang terbesar sa-kali dari jenis-nya pernah di-lakukan.

Bagi pembeli2 Jepun, sumber tenaga baru ini merupakan satu sumbangan yang sangat berkesan kepada keperluan tenaga mereka, yang mana juga di-sebabkan oleh pembebasan dari anasir2 kotor, akan banyak membantu mereka dalam usaha2 menentang

anasir2 kekotoran dalam udara.

PERANAN BRUNEI DALAM PROJEK INI.

Bagi Shell Brunei perjanjian ini bermakna akan mendapat pasaran simpanan gas - nya yang banyak di-dasar laut.

Sharikat Shell akan meng-usahakan dan membekalkan gas ka-pantai menerusi saloran paip kepada satu tempat di-antara Seria, (landasan sekarang) dan Lumut 10 batu ka-timor ia-itu tapak yang telah di-pileh untuk kilang penchayeran.

Gas mentah akan di-beli di-Brunei oleh sharikat gabungan Shell/Mitsubishi yang mana Kerajaan Brunei telah menyatakan ingin menyertai-nya. Sharikat ini akan menjalankan proses penchayeran.

Gas chayer itu akan di-hantar ka-pasaran Jepun oleh satu chawangan Shell/Mitsubishi ia-itu Goldgas Trading Limited yang akan memajak kapal2 tanki.

Pembinaan kilang penchayeran dan semua kemudahan2

yang berhubung dengan-nya akan di-buat di-bawah arahan bahagian teknikal Shell. Pemborong2 telah di-pelawa dari dua gabungan pemborong — Japan Gasoline berkongsi dengan Procon, dan sa-buah lagi pemborong Jepun, Chiyoda dengan Bechtel. Kilang itu akan mengandungi 4 unit, tiap2 satu chukup untuk memproses kira2 sa-juta tan sa-tahun gas chayer yang di-serahkan ka-Jepun.

Bagi menyenangkan pemunggaan kapal2 tanki yang bawah-nya tenggelam kira2 31 kaki, sa-buah tambatan telah di-ranchangkan menjulur ka-laut hampir 3 batu, yang mana boleh menerima dua 18 inchi diameter saluran paip mulai dari pantai.

Mengikut ranchangan yang ada sekarang ini, Sharikat Tokyo Gas dan Tokyo Elektrik akan menerima gas chayer ini dari tempat penerimaan Negishi yang ada sekarang ini di-Telok Tokyo yang mana akan di-besarkan lagi untuk tujuan ini, dan kemudian nanti di-sa-buah tempat penerimaan baru di-Sedegaura di-seberang telok tersebut. Osaka Gas akan membena sa-buah tempat penerimaan baru.

Persembahan penyanyi2 Pop S'pura untuk kutip derma Gurkha

BANDAR BRUNEI. — Rom-bongan "The Sangam Boys" dengan penyanyi2 pop dari Singapura dan penyanyi2 tempatan akan mengadakan satu pertunjukan untuk kutipan Derma Gurkha di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1 dan 2 Oktober mulai jam 8.00 malam.

Di-antara-nya yang akan turut mengambil bahagian dalam temasha tersebut ia-lah pelawak2 TV Singapura — Leng Hussain, Haji Baba dan S. Roha serta dua orang penyanyi2 lagu Hindustan — Halim Marikan dan Alizah Merikan.

Tiket2 berharga \$2.50, \$2.00 dan \$1.50 boleh di-beli daripada Awangku Tajuddin bin Pengiran Manggong di-Jabatan Talikom, Bandar Brunei; Awangku Damit bin Pengiran Ahmad di-Pejabat Ukur, Bandar Brunei atau pun di-pintu masuk ka-Dewan Raya pada kedua2 malam tersebut.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Zain selaku wakil Peribadi Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kemaluddin Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, sedang menerima hadiah "Chawan Kenangan2 Berpuspa" dari Che'gu Awang Hussain bin Mohd. Yusof, Pengerusi Jawatan Kuasa Kechil Bahagian Tanda Kenang2an Istiadat Berpuspa.

Turut memerhati Awang Haji Abdullah Metasan S/Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei (No. 2 dari kanan), dan ahli2 J/Kuasa Tertinggi Kenangan2 Berpuspa terdiri dari Awang Mohammad Ali Daud, Awang Abdul Rahman Khatib Abdullah, Awang Ahmad Kadi, dan Awang Hamdani bin Haji Abdul Rahman. (Gambar BP/JHEU).

Dua orang pegawai ukor jalani kursus di-Britain

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Ukor telah berlepas ka-Britain pada hari Selasa semalam untuk menjalani latihan membuat peta sa-lama lapan bulan di-Pusat Ukor Seberang Laut, Tolworth Surrey.

Mereka ia-lah Awang Abdul Ghani bin Haji Ahmad dan Awang Saban bin Aman.

Kursus itu di-ranchangkan bagi pegawai2 ukor seberang laut untuk mempelajari teknik2 moden bagi membuat peta.

Sa-masa menjalani latihan, kedua2 orang pegawai ukor itu juga akan di-beri peluang melawat Ordnance Survey, dan lain2 pusat membuat peta di-daerah itu.

SA-BAGAIMANA di-ketahui bahawa Ugama Islam ada-lah menyuruh pemelok-nya berusaha bersungguh2 untuk kesenangan hidup di-dunia sa-olah2 kita mahu hidup sa-lama2-nya, begitu-lah juga 'amal ibadat dengan khusu' dan ikhlas yang tidak berpada2 sa-olah2 akan mati esok hari, walau bagaimana pun usaha dan ikhtiar itu jangan-lah lari dari garis2 yang di-redhai oleh Allah subhanahu-wata'ala.

Pada minggu lalu, kita telah di-ingatkan berdasarkan sa-buah kesah dari hal sa-orang sahabat yang bernama Thaklabah yang engkar dalam mengeluarkan zakat sa-sudah dia menjadi kaya raya. Dalam memperkatakan perkara zakat ini menurut ayat2 suci Al-Koran Al-Karim dalam Suratul Taubah ada menerangkan dari ayat 34 hingga 35 yang bermaksud:

"Dan orang yang menyimpan emas dan perak dan mereka tidak membelanjakan di-jalan Allah, maka beri-lah tahu kepada mereka bahawa mereka akan mendapat seksa yang amat pedeh. Di-hari itu semuanya di-panaskan dalam api neraka jahanam. Lalu di-bakar dengan-nya rusak2 dan belakang2 mereka. Ini-lah yang kamu simpan untuk diri mu dulu, sebab itu rasa-lah akibat-nya apa yang kamu simpan itu."

Menurut hal tafsir bahawa perkataan tidak membelanjakan di-jalan Allah itu ia-lah bermaksud tidak mengeluarkan zakat yang mesti di-keluarkan kepada orang2 yang berhak menerima dan jika telah di-keluarkan zakat pula tidak-lah di-katakan menyimpan lagi yang dia mesti menerima akibat-nya di-akhirat, yang mana telah di-beri amaran oleh Allah dan ayat2 suci tadi.

Dari maksud ayat2 suci Al-Koran tadi, dapat-lah kita fahamkan bahawa harta benda yang kita chari dan usahakan bersungguh2 itu ada-lah menjadi kesempurnaan hidup di-dunia dan akan mendatangkan kebahagiaan di-akhirat jika di-belanjakan mengikut dasar2 yang di-redhai Allah.

Sa-balek-nya jika harta2 itu tidak di - belanjakan dengan jalan yang di-suruh, lebeh2 lagi tidak di-keluarkan hak2 yang di-wajibkan di-atas kita, maka harta itu akan menyusahkan pula kepada kita di-akhirat atau dengan perkataan lain bahawa zakat ada-lah wajib di-keluarkan kepada orang2 yang berhak menerima-nya.

Ada di-antara orang2 Islam yang maseh lagi belum faham akan maksud zakat itu yang mana mereka berpendapat sa-chara dzahir ada-lah merugikan kepada orang yang empunya harta akan membuat orang2 miskin itu bertambah malas tidak mahu berusaha dan bekerja mencari nafkah.

Menjawab di-atas perkataan merugikan itu dalam surat Al-Bakarah ayat 261 ada

"ZAKAT" BUKAN UNTOK MERUGIKAN SI-KAYA, MENJADIKAN SI-MISKIN MALAS BERUSAHA

KHUTBAH JUMA'AT

"Orang2 yang membelanjakan harta-nya di-jalan Allah di-mithalkan saperti sa-baji benih yang tumbuh menjadi tujuh tangkai dan tiap2 tangkai sa-ratus biji dan Allah melipat-gandakan kapada siap2 yang di-sukai-nya dan Allah maha luas memberi-nya dan maha mengetahui."

menerangkan tiap2 orang yang membelanjakan harta-nya di-jalan Allah yang bermaksud:

"Di-ibaratkan orang yang membelanjakan harta-nya di-jalan Allah di-mithalkan saperti sa-baji benih yang tumbuh menjadi tujuh tangkai, dan tiap2 tangkai sa-ratus biji dan Allah melipat - ganda-kan kapada siap2 yang di-sukai-nya dan Allah maha luas memberi - nya dan maha mengetahui".

Maka dari ayat ini faham-lah kita bahawa tiap2 orang yang mengeluarkan zakat itu tidak-lah rugi sa - bagaimana yang di-sangka oleh mereka yang tidak faham itu.

Sa-balek-nya akan beruntung berlipat ganda yang kita tidak sedari, begitu juga Islam me-

merentahkan supaya memberi zakat kapada di - antara-nya fakir miskin, bukan-lah bermaksud supaya yang miskin akan menjadi malas, tetapi apa yang kita rasa dan tiap2 manusia mahu ia-lah kesenangan dan kemakmoran dan tidak sa-orang pun yang mahu miskin dan papa.

Oleh itu tidak-lah lain daripada kemahuan manusia yang di-perentahkan oleh Allah itu, sa-lain dari tulung menolong dan bantu membantu, yang ada membantu yang kurang, dan yang kaya pula membantu yang miskin dengan kadar yang tidak menjadikan si-kaya itu menjadi miskin dan papa.

Mari-lah kita merenongkan ayat2 Al-Koran tadi dan memikirkan sa-dalam2-nya mu-



ga2 kita tidak termasuk ka-dalam bilangan orang yang derhaka dengan sebab menyimpan harta yang menjadi kesenangan hidup kita, tetapi di-akhirat harta2 itu akan menjadi umpam untuk membakar diri kita sendiri pula.

Dengan ada-nya tiap2 orang Islam menyempurnakan tanggong-jawab terhadap diri-nya, masharakat dan ugama-nya, Insha-Allah Islam akan kuat dan orang2 Islam akan tegoh dan mulia oleh umat lain tidak mudah di - permain2kan hukum2 Islam dan perintah2 Allah oleh seteru2 Islam - seterusnya kita akan hidup rukun damai, aman makmor di-dunia dan di-akhirat.

Sambutan Isra' dan Me'raj di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Sambutan Isra' dan Me'raj akan diadakan di-Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong pada 4 Oktober ini.

Sambutan yang di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Tutong itu akan di-mulakan jam 7.30 malam.

Achara dalam sambutan itu termasuk-lah peraduan2 membacha sajak dan nashid.

Setia Usaha Sambutan, Awang Junadi bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar menyatakan, peraduan membacha sajak ada-lah terbuka kapada persatuan2 belia, sekolah2 menengah dan badan2 kebajikan di-daerah itu, sementara peraduan nashid terbuka kapada sekolah2 di-Daerah Tutong.

Sambutan Isra' dan Me'raj akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Okt., 1969 hingga ka-hari Selasa 7 Okt. 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	1 Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
	2 Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
	3 Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
	4 Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
	5 Okt.	12-16	3-33	6-17	7-13	4-35	4-50	6-07
	6 Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
	7 Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



1 Oktober, 1969.

JENTERA PENERANGAN

KETIKA merasmikan pembukaan pertandingan Bintang Radio malam hari Isnin lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan nasihat yang amat tinggi nilai-nya yang tentu-nya terbit dari hasrat untuk benar2 melihat pesatnya kemajuan yang di-chapai oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada melaksanakan tugas2-nya sa-bagai sa-buah jabatan yang di-khususkan bagi memikul tanggung-jawab sa-bagai jentera penerangan Kerajaan.

Dari nama jabatan saja orang sudah tahu akan tugas2 yang harus di-lakukan-nya dan ini tentu-nya lebih arif lagi difahami oleh tenaga2 yang berkecimpung dalam-nya. Tetapi apakah sudah mencukupi jika sekadar hanya mengetahui akan makna dan tujuan nama itu kalau tidak di-sertai dengan inisiatif yang sa-chuchok dan sa-timpal dengan maksud-nya yang sa-benar.

Rencana ini tidak pula bermaksud untuk mengkecilkan usaha2 Jabatan Penyiaran dan Penerangan dalam memikul tanggung-jawab-nya baik pada masa yang lalu mahupun pada masa sekarang. Hanya kita sama2 membicarakan demi untuk kebaikan kita bersama dan perkara ini pula kita anggap BUKAN "menampar ayer di-dulang terperchik ka-muka sendiri". Ada-lah satu chara yang baik bagi meneguhkan pendirian kita untuk menyedari keadaan dan tidak chuba pula menafikan kenyataan.

Nasihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu haruslah di-terima dengan sebaik2-nya dan menganggap-nya sa-bagai satu peringatan yang harus di-pegang pada sa-tiap waktu kalau2 ada yang bersifat pelupa.

Harus di-sedari bahawa keadaan sekarang memerlukan penerangan2 yang lebih pesat daripada hiburan2 ringan yang kurang menfaat-nya. Untuk tujuan ini pula harus ujud tenaga yang lebih besar, jujur dan chergas yang juga memerlukan kemudahan2 yang tidak teragak2 sa-sudah di-fikirkan berpatutan.

Perubahan2 yang lebih besar harus juga di-lakukan dan sa-belum itu harus di-teliti dengan sebaik2-nya sistem yang ada sekarang. Mana2 yang di-fikirkan tidak sesuai haruslah di-tinggalkan dan di-ganti dengan yang lebih sesuai dan selari dengan keadaan. Kerahan tenaga kerja harus di-perhebat sa-bagaimana yang di-amalkan oleh jabatan2 yang sama di-negara2 luar. Pindik-nya harus ujud satu sistem yang tegas dalam pentadbiran bahagian2 dalam jabatan yang sa-mesti-nya sistem itu di-patohi oleh kakitangan2 yang terlibat. Kesimpulan-nya bahawa apa kerja pun kalau tidak di-sertai dengan sistem yang chukup terator, maka ia-nya tidak dapat menimbulkan kesan yang di-harapkan.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan (no 2 dari kiri) dan **D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan** di-alu2kan oleh **Pegawai Pemerintah AMDB, Lt. Col. J. J. H. Simpson** dan **Brigadier Heelis** ketika berangkat tiba di Bolkiah Kem. Kelihatan juga dalam gambar ini, **Adjutan AMDB, Kaptan Musa** (kanan sekali).

D.Y.M.M. (di-tengah2), D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan (kedua dari kiri) dan **Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong** ketika mengikuti penerangan2 mengenai latihan tentera dari **Brigadier Heelis**. **Duduk di-kiri** sekali ia-lah **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakri Di-Raja, Dato Utama Awang Isa** selaku jurubahasa.



Satu lagi pemandangan di-pusat pertahanan di-Sengkarai ketika Baginda dan rombongan melawat ka-sana.

D. Y. M. M. LAWAT LATEHAN "HARIMAU TIMAH"

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat untuk menyaksikan latihan tentera yang di-beri nama "Harimau Timah" pada hari Sabtu lalu.

Latihan tentera sa-lama sa-minggu itu yang di-jalankan bersama oleh pasukan Askar Melayu Di-Raja dan Polis Di-Raja Brunei yang bermula pada hari Selasa, 23 September dan berakhir kelamarin telah di-lancharkan di-seluruh negeri.

Keberangkatan Baginda itu telah di-sertai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

selaku Kolonel-in-Chief Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah.

Dengan menaiki pesawat helikopter AMDB, Baginda dan rombongan telah meninjau gerakan2 tentera dalam latihan itu di-hutan2 dan sungai2 ketika memburu musuh2 yang berkeliaran. Baginda dan rombongan juga telah meninjau sa-chara dekat kapus2 pertahanan pasukan2 keselamatan yang di-tempatkan di-tempat2 yang tertentu.

Yang bertindak sa-bagai musuh dalam latihan itu ia-lah anggota2 2/2 Gurkha Rifle Seria dan anggota2 pasukan Kommando Brigade dari Singapura yang berpakaian seragam serba hitam.

Brigadier Heelis yang merancang penempatan gerakan2 musuh itu telah mengalu2kan ketibaan Baginda di-Bolkiah Kem dan kemudian-nya memberikan penerangan2 tentang gerakan2 itu di-Bilek Gerakan sa-belum mengiringkan Baginda dan rombongan untuk menyaksikan latihan2 tersebut.

Turut juga mengiringkan Baginda dalam rombongan itu ia-lah Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lt. Col. J. J. H. Simpson yang merancang gerakan2 memburu musuh2 itu.

Di-sepanjang latihan yang berjalan sa-lama sa-minggu itu, pasukan2 keselamatan sekali lagi telah dapat menunjukkan kekuatan mereka pada mematahkan serangan2 musuh di-samping menunjukkan taktik2 memburu musuh yang lebih tangkas dan berani.

Gerakan2 keselamatan yang di-jalankan di-hutan2 dan sungai2 di-pendalaman negeri ini di-mana musuh2 giat untuk menumpaskan mereka telah menepoh kejayaan2 yang besar dalam pertempuran2 sengit. Mereka telah berjaya mengepung musuh2 itu dan beberapa orang daripada musuh2 yang degil telah terbunuh dalam pertempuran dan beberapa orang lagi telah di-tangkap.

Pada keseluruhannya latihan yang di-jalankan atas tujuan hendak menyediakan askar2 dan polis supaya chekap dalam sebarang kejadian telah memperolehi kejayaan yang besar dan mereka di-katakan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menghadapi kejadian2 itu.



Duli Yang Maha Mulia dan rombongan ketika berangkat ka-Ibu Pejabat Polis Di-Raja untuk menyaksikan persiapan yang di-lakukan di-sana semasa dalam latihan tentera "Harimau Timah".

Duli Yang Maha Mulia dan D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan ketika di-iringkan melawat ka-Pusat Pertahanan di-Pekan Bangar.




Major Pg. Ibnu kelihatan sedang menerangkan kepada Duli Yang Maha Mulia dan D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan mengenai taktik kawalan di-pusat pertahanan di-Sengkarai, Tutong.



Duli Yang Maha Mulia dan D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan sedang di-beri penerangan oleh Major Pg. Ibnu mengenai langkah berjaga2 di-jalankan oleh pasukan keselamatan di-sepanjang latihan itu berjalan.

D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan selaku Kolonel-in-Chief sedang bertanya sa-suatu kepada Kaptan Hussain Haji Sulaiman mengenai latihan2 yang telah di-jalankan. Sementara Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang memerhatikan kenyataan2 yang di-lekatkan di-papan penyala.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim (kanan sekali) sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid yang mengetuai tujuh orang ahli Persatuan Taekwan-Do Brunei sa-belum berlepas ka-Hong Kong untuk mengambil bahagian dalam perlawanan kejohanan Taekwan-Do Asia yang di-adakan di-tanah jajahan itu, baru2 ini.

150 ORANG SERTAI PERLUMBAAN JALAN KAKI

PEKAN TUTONG. — Sa-ramai 150 orang peserta akan mengambil bahagian dalam perlumbaan jalan kaki yang di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Keriam pada 9 Oktober ini.

Perlumbaan yang akan di-mulakan pada Jam 7.30 pagi itu akan di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri yang akan juga menyampaikan hadiah2.

Perlumbaan itu akan di-bahagikan kepada dua bahagian — bahagian perseorangan dan berpasokan. Bahagian perseorangan terbuka kepada peserta2 dari seluruh negeri dan bahagian berpasokan yang mengandungi enam orang peserta hanya terbuka kepada persatuan2 belia, sekolah2 dan pertubuhan kebajikan di-Daerah Tutong.

Jarak perlumbaan ia-lah 10 batu bagi peserta2 lelaki dan enam batu bagi peserta2 perempuan.

Sa-orang juruchakap perlumbaan itu berkata, kenderaan akan di-sediakan untuk membawa peserta2 dari Bandar Brunei dan Seria dan Kuala Belait.

Peserta2 dari Bandar Brunei hendak-lah berkumpul di-belakang bangunan Setia Usaha Kerajaan, Bandar Brunei sa-belum jam 6.30 pagi 9 Oktober. Kenderaan2 tersebut juga akan mengambil peserta2 di-sepanjang jalan Brunei-Tutong.

Peserta2 dari Seria/Belait hendak-lah berkumpul di-Pejabat Pos Seria.

Jalan raya baru menghubungkan Seria / Belait

KUALA BELAIT. — Projek jalan raya Jabatan Kerja Raya hendak menyatukan Jalan Tengah di-Batu Lima jalan besar Seria/Brunei dengan Jalan Setia Pahlawan di-Kuala Belait sedang berjalan dengan lancar.

Pengarah Kerja Raya, Dato R. Wadell berkata, kerajaan baru2 ini telah mengeluarkan tawaran bagi membekalkan pasir untuk menyiapkan kerja menambak tanah di-sepanjang jalan tersebut.

Dato Wadell berkata, apabila kerja2 menambak itu selesai jambatan2 dan parit2 di-sepanjang jalan tersebut akan di-bena.

Beliau berkata, minyak tar akan di-gunakan bagi menutup permukaan jalan tersebut.

Kerja2 membena Jalan yang di-chadangkan sa-panjang empat batu itu telah di-mulakan dalam tahun 1966. Ia-nya melalui kawasan paya.

Apabila jalan tersebut siap, ia-nya merupakan salah satu antara dua jalan ka-Kuala Belait dari Seria atau sebaliknya.

Tujuan membena jalan tersebut ia-lah supaya usaha2 perkembangan akan dapat di-teruskan di-kawasan paya itu.

Hadhiri kursus guru2 besar

BANDAR BRUNEI. — Awang Muhammad bin Abu Bakar telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk menghadiri kursus guru2 besar dan pentadbir2 sekolah.

Awang Muhammad akan menjalan kursus tersebut di-Universiti Birmingham sa-lama sa-tahun. Pemergian beliau ada-lah atas biasiswa kerajaan Brunei.

PEPEREKSAAN TRENGKAS DAN MENAIP PADA 21 NOVEMBER

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah mengumumkan bahawa peperiksaan trengkas dan menaip perengkat permulaan, menengah dan tertinggi akan di-adakan di-Sekolah Melayu

Pusar Ulak, Bandar Brunei pada 21 November hadapan.

Peperiksaan tersebut di-anjorkan oleh Trengkas Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran menyatakan, borang2 permohonan untuk memasuki peperiksaan tersebut boleh di-dapati dari guru2 trengkas dan menaip atau dari Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran.

Bayaran masuk di-kenakan sa-banyak \$11.00 bagi peperiksaan trengkas permulaan \$13.00 perengkat menengah dan \$16.00 bagi perengkat tertinggi. Peperiksaan menaip perengkat permulaan akan di-kenakan bayaran sa-banyak \$9.00, menengah \$11.00 dan tertinggi \$13.00.

Hanya chalun2 yang meng-hadhiri kelas trengkas dan menaip anjoran Jabatan Pelajaran di-benarkan memasuki peperiksaan2 tersebut dan mereka hendak-lah mendapat sokongan dari guru2 mereka.

Borang2 yang telah di-isikan berserta wang bayaran hendak-lah di-hantar tidak lewat hari ini, 1 Oktober.

Bakal2 haji di-ingatkan supaya membuat pasport antara bangsa

BANDAR BRUNEI. — Bakal2 haji yang akan menunaikan haji dengan menaiki kapal terbang tahun depan ada-lah di-nasihatkan supaya membuat pasport antara bangsa mulai dari sekarang.

Pegawai Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Kassim bin Haji Ahmad berkata, pasport itu kemudian-nya hendak-lah di-serahkan kepada bahagian Urusan Haji tidak lewat dari 30 November, 1969.

Pada tahun ini sa-ramai 177 orang telah mendaftarkan nama untuk menunaikan haji dengan kapal terbang.

Bakal2 haji itu akan bertolak dari Brunei melalui Labuan dalam dua penerbangan. Penerbangan pertama dari Brunei pada 29 Januari dan balek pada 14 Mach, 1970. Penerbangan kedua akan bertolak dari Brunei pada 2 Februari dan balek pada 16 Mach, 1970.

Pandu Puteri kutip \$1,300

BANDAR BRUNEI. — Pertubuhan Pandu Puteri, Brunei telah berjaya mengutip sa-banyak \$1,300 hasil dari gerakan Minggu Kerja Pandu Puteri yang di - lancharkan baru2 ini.

Projek tersebut bertujuan untuk mengutip derma bagi membiayai beberapa orang pandu puteri untuk menjalani

kursus di-Singapura dalam bulan ini.

Sementara itu, Pertubuhan Pandu Puteri akan mengadakan jualan murah tahunan tidak lama lagi.

Orang ramai yang ingin mendermakan barang2 yang tidak di-pakai supaya ber-hubong dengan talipon 2245 pada waktu bekerja.

Jawatan-Jawatan Kosong

Sa-bagaai Pegawai Bahasa

PERMOHONAN2 ada - lah di- pelawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Bahasa di- Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Pemohon2 mesti - lah mempunyai kelulusan degree dari Universiti yang di-akui dalam

pengajian Melayu atau mempunyai diploma yang di - akui dalam Bahasa Melayu atau kelulusan yang se- banding dengan - nya; atau.

- b) Mereka2 yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman yang istimewa dalam hal karang mengarang dalam Bahasa Melayu akan juga di- pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B. 2 EB 3 — \$1020 x 40 — 1620/EB/ 1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung ka- pada kelayakan2 dan penga- lamatan.

Sharat2 Lanjutan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kon- trek sa-lama 3 tahun ter-

masuk masa perchubuan sa- lama 6 bulan. Pembaharuan kontrak ada-lah dengan per- setujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkon- trek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap ber- khidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 per- khidmatan boleh di-perolehi dari- pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di- penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di- kembalikan bersama2 dengan sa- linan surat2 akuan dan sijil2 ka- pada Setia Usaha Kerajaan, Pe- jabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Oktober, 1969.

Pegawai Kebajikan Haji

BANDAR BRUNEI.—Bakal2 haji yang akan menunaikan fardhu haji dengan kapal laut akan di-jaga oleh sa-orang Pe- gawai Kebajikan Kehormat sa- masama berada di-dalam kapal dan di-tanah suci.

Sa-buah surat keliling Jaba- tan Hal Ehwal U gama yang di-keluarkan baru2 ini mem- pelawa pemohon2 dari pega- wai2 kerajaan untuk me- menohi jawatan tersebut.

Pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia yang beragama Islam dan mesti-lah berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari lima tahun.

Pemohon2 mesti-lah berumur di- antara 34 dan 55 tahun dan ke- utamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai ke- layakan saperti berikut:

- a) Chekap dalam melaksana sebarang urusan kebajikan dan boleh memberi sha- rahan2.
- b) Sanggup bertugas dari Bru- nei hingga kembali sama ada dalam pelayaran mahu pun semasa berada di- tanah suci.
- c) Tidak membawa tanggon- an saperti isteri, anak atau sa-umpama-nya.
- e) Tahu berbahasa Inggeris atau Arab.

Pehak Sharikat Perkapalan akan menyediakan tiket dalam kapal Haji Anshun pergi dan balek, manakala kerajaan akan mem- berikan aloan sara hidup mengikut kadar yang di-berikan oleh ke- rajan pada masa ini semasa pegawai ini menjalankan perkerjaan-nya.

Tempat tinggal semasa berada di-Mekah dan harga Pass Haji hendak-lah di-tanggung oleh pega- wai itu sendiri.

Segala permohonan2 hendak-lah di-hantar kepada Pengetua Pega- wai Hal Ehwal U gama dengan me- lalui ketua pejabat masing2 tidak lewat dari 6 Oktober, 1969 jam 4.00 petang.

Sa-bagai Pemandu Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di- pelawa daripada Pegawai2 Ke- rajan yang sedang berkhid- mat yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pemandu Tingkat I di-Jabatan Peruba- tan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti - lah mempunyai lisen me- mandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang ber- pengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti - lah bersedia menjalankan tugas2 siang atau ma- lam di-mana2 daerah di-Negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 EB 4 — \$200 x 5 — 220/EB/ 225 x 5 — 240.

Pemohonan2 hendak-lah di- hantar melalui Ketua2 Jaba- tan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Cha- tetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di- penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di- kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari- pada 5 Oktober, 1969.

Sa-bagai Imam dan Khatib

PERMOHONAN2 ada-lah di- pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa - bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk me- menohi jawatan2 kosong di- Jabatan Hal Ehwal U gama, Brunei.

- a) IMAM — 1 jawatan Bagi Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Tem- burong.
- b) KHATIB — 1 jawa- tan Bagi Masjid Utama Mohamad Salleh Pekan Ban- gar Temburong.

Kelayakan2:

Hanya orang2 yang tinggal di-daerah Tem- burong di - kehendaki memohon:—

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur di - antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Mesti-lah mahir da- lam bacahan Al-

Koran dan menge- tahui hukum2 U ga- ma Islam.

- c) Mengetahui dan ber- sedia bagi menyem- purnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- d) Pemohon2 mesti-lah bersedia memasoki pepereksaan y a n g akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal U gama, Brunei.

Gaji:

- a) IMAM — Dalam su- katan gaji U. 4 — \$260 x 10 — 520.
- b) KHATIB — Dalam sukatan gaji U. 3 — \$220 x 10 — 430.

Pemohonan2 yang mesti di- penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pe- gawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan ka- pada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Oktober, 1969.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim

PELAYAN SEDANG MENGANGKAT.....

...BERTERIAK





Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong sedang menyampaikan piala kepada Ak. Emran, Johan Langgam dan Asli.

Juara2 Bintang Radio 1969

(Dari Muka 1)

da Mohammad Bolkiah.

Keputusan2 penoh ada-lah seperti berikut:

Langgam Lelaki: Johan — Ak. Emran bin Pengiran Manai, Daerah Brunei-Muara; naib-johan — Awang Shamsuddin Idris, Daerah Tutong dan ketiga — Awang Sulaiman Udin, Daerah Belait.

Arthur menangi lumba basikal jarak jauh

BANDAR BRUNEI.—Arthur J. F. De Silva, sa-orang penuntut dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berjaya memenangi lumba basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei yang telah diadakan pada 29 September lepas.

Perlumbaan yang kedua kali-nya di-anjarkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei itu ada-lah sa-bagai memperingati hari kepupaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Arthur, sa-orang penuntut tingkatan empat dari maktab tersebut, telah menghabiskan perlumbaan sa-jauh 67 batu itu dengan mengambil masa 2 jam 56 minit dan 29 sa'at, ia-itu 11 minit dan 44 sa'at lebih baik dari masa yang di-chipta oleh Awangku Shahar bin Pengiran Haji Mohammad Said pada tahun lepas.

Awangku Shahar, johan tahun lepas telah mendapat tempat kedua dengan mengambil masa 2 jam 56 minit dan 30 sa'at.

Tempat ketiga di-menangi oleh Awang Chan Fook Phen dengan masa 2 jam 56 minit dan 31 sa'at dan tempat ke-empat di-menangi oleh Awangku Masuni bin Pengiran Ahmad dengan masa 2 jam 56 minit dan 42 sa'at.

Pasokan Maktab SOAS telah muncul sa-bagai johan dalam bahagian berpasokan; Persatuan Belia Sengkurong tempat kedua dan ketiga di-menangi oleh pasokan 'Mariners'.

Sa-ramai 118 dari 195 orang peserta yang mengambil bahagian dalam perlumbaan itu telah menghabiskan perlumbaan jarak jauh itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali telah menyampaikan hadiah2.

Asli Lelaki: Johan — Ak. Emran bin Pengiran Manai, Daerah Brunei-Muara; naib-johan — Awang Morris Lynn dari Daerah Brunei-Muara dan ketiga Awang Shamsuddin Idris, Daerah Tutong.

Langgam Wanita: Johan — Dayang Saerah Salleh dari Daerah Tutong; naib - johan Dayang Azadah bte Awang Besar dari Daerah Brunei-Muara dan ketiga Dayang Zainab Suhud, Daerah Tutong.

Asli Wanita: Johan — Dayang Zaiton Mohd. Ali, Daerah Belait; naib-johan — Dayang Azadah bte Awang Besar, Daerah Brunei-Muara dan ketiga Malai Narimah bte Sheikh Othman, Daerah Brunei-Muara.



Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sedang menyampaikan perisai kepada Arthur De Silva.

Jangan beli makanan drp. penjaja2 yg. tidak berlesen

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. P. I. Franks telah memberi amaran kepada orang ramai supaya jangan membeli ice cream atau lain2 makanan dari penjaja2 yang tidak berlesen.

Dalam satu kenyataan atas langk2 bagi mencegah sebarang penyakit yang berjangkit masuk merebak di-negeri ini, Dato Frank berkata:

Jika kamu menerima penjualan ice cream dan lain2 makanan dari orang2 yang tidak mendapat kebenaran, kamu ada-lah mengalakkan merebak-nya penyakit dengan segala bahaya-nya.

Dato Franks berkata, Jabatan Kesihatan telah beberapa lama mengambil berat atas kemungkinan satu kejadian wabak penyakit di-negeri ini di-sebabkan oleh rachen dari makanan dan kolera.

Peperiksaan ka-atas orang2 yang berjual atau memegang makanan ada-lah di-kenakan dari masa kemas.

Mereka itu di-periksa bagi mengetahui sama-ada mereka mengidap penyakit yang berjangkit atau mengidap penyakit batuk kering.

Tetapi — langkah2 berjaga2 ini

kan serta memutarbelitkan usaha2 Kerajaan dan menyalahkan satu2 pehak dengan tidak berpatutan serta usol pereksa yang teliti.

Perkara ini, tegas beliau, hendak-lah di-atasi dan tugas2 ini hendak-lah di-pikul oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar berharap semoga ahli2 dan anggota2 jabatan tersebut tidak akan muak untuk berusaha dan berkhidmat di-lapangan yang terpenting ini demi membantu raayat mengenal pemerintah-nya yang beradulat — mengenal hakikat pembangunan negara dan masha-rakat yang sabaran-nya dan tegas-nya mengenal perkara2 yang di-usahakan serta di-laksanakan semata2 untuk kebaikan.

Beliau berseru supaya di-per-pesatkan usaha2 yang sedang di-laksanakan oleh jabatan itu — di-perelokkan dan di - persesuaian dengan keadaan serta kehendak2 zaman ini, sesuai dengan ideologi negara kita Brunei Darus-salam.

Peluang belajar untuk anak2 tempatan

(DARI MUKA 1)

Beliau juga memberi amaran jika akhbar2 tempatan chuba atau sengkaja hendak mengelirukan fikiran pembacha dengan menyiarkan berita2 yang tidak berasaskan kebenaran, dan perkara itu terus menerus di-amalkan, maka Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajar-nya termasuk-lah

penutupan penerbitan akhbar itu. Tindakan2 yang lain juga akan di-ambil terhadap sa-barang sumber kenyataan yang mengeluarkan fahaman salah.

Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Umar bin Muhammad yang turut berucap di-majlis itu juga telah menerangkan mengenai semua perkembangan2 pelajaran dewasa yang telah di-usahakan oleh Jabatan beliau.

Di-antara yang turut berucap di-majlis itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Dr. Haji Mohd. Jamil sa-laku Penasehat Persatuan Trengkas dan Pengarah Trengkas Melayu Institute Malaysia Tuan Hj. Abd. Rahman b. Hj. Hassan yang di-undang khas oleh Persatuan Trengkas.

Lebih satu ratus orang pelajar2 Trengkas dan Menaip yang telah lulus peperiksaan dan peraduan telah menerima sijil2 mereka hari itu. Sijil2 itu di-sampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pengarah Trengkas.

Menteri Besar itu juga telah menyampaikan pengurniaan pingat 'Certified Shorthand Reporter' dan sijil Rool of honour kepada sa-orang Guru Trengkas / Menaip Awang Abdullah b. Md. Tahir. Pengurniaan pingat dan sijil itu telah di-berikan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia kepada beliau.

ada-lah di-elakkan oleh sa-kumpulan besar penjual2 ice cream dan lain2 makanan sa-chara haram.

Dr. Franks merayu kepada orang ramai supaya menurut chara2 berjaga2 yang di-nyatakan oleh Jabatan Kesihatan berkali2.

Kata-nya, kebersihan tangan dan tempat2 makanan dan menjaga supaya lalat jangan hinggap makanan2 ada-lah juga chara2 yang baik.

Beliau menasehatkan supaya sampah sarap jangan di-buang dengan di-biarkan terdedah untuk di-hinggap lalat.